



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No.2) 1978

DR.12/1978

DR. 12/78

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2) 1978, dan hendaklah berkuat-kuasa bagi tahun taksiran 1979 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya. Tajuk ringkas dan mula berkuat-kuasa.
2. Seksyen 9 Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 adalah dipinda dengan menggantikan nombor "15" yang terdapat di bawah ruangan "Rate of Tax" bersetentangan dengan perkataan-perkataan "For every ringgit exceeding \$400,000" dengan nombor "12 $\frac{1}{2}$ ". Pindaan bagi seksyen 9. Akta 54.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 bagi maksud mengurangkan kadar cukai keuntungan timah ke atas keuntungan timah yang kena dicukai yang melebihi \$400,000 daripada 15 peratus kepada 12 $\frac{1}{2}$ peratus.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan tambahan.